

16 MAC 2018

Kerajaan cari kaedah berkesan pulih penagih dadah

Kerajaan cari kaedah berkesan pulih penagih dadah

MELAKA - Kerajaan akan terus berusaha mencari kaedah rawatan yang membawa kepada pemulih-

an kekal dan berkesan terhadap penagih dadah, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ah-

mad Zahid Hamidi (gambar).

Beliau berkata, selama ini kerajaan telah me-

nyalurkan banyak wang dan tenaga dari segi memberi rawatan dan perubatan dalam usaha memulihkan penagih dadah.

Mengikut statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan, pada tahun lepas merekodkan sebanyak 18,440 kes melibatkan penagih dadah berulang manakala 7,482 adalah kes baharu penagihan dadah, katanya pada Program Sepetang Ber-

sama Timbalan Perdana Menteri di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, mengikut statistik pada tahun lepas sebanyak



25,922 tangkapan melibatkan penagih dadah dicatatkan di seluruh negara.

"Dari pada jumlah itu sebanyak 20,956 melibatkan penagih Melayu, Cina (1,947), India (1,760), Pribumi Sabah (999), Pribumi Sarawak (113) dan lain-lain (147)," katanya.